

## **Kajian NYC-IPS: Kerjaya, kewangan keutamaan belia berbanding kahwin**

**Zuliqah Abdul Rahim**

**Berita Harian**, 5 August 2024

Golongan muda lebih mengutamakan kerjaya dan kewangan berbanding mempunyai aspirasi seperti mendirikan rumah tangga, menurut hasil Kajian Belia mengenai Peralihan dan Laluan Berkembang di Singapura (Youth STEPS) yang dibentangkan pada 5 Ogos.

Kajian itu, yang dihasilkan dengan kerjasama Majlis Belia Kebangsaan (NYC) dan Makmal Sosial Institut Kajian Dasar (IPS), menunjukkan bahawa memiliki kerjaya dan kesihatan yang baik dipilih sebagai keutamaan paling penting mereka dalam tempoh lima tahun mendatang.

Dalam pada itu, dua daripada lima belia berusia 22 hingga 29 tahun pada 2022 tidak pernah menjalin hubungan cinta.

Youth STEPS adalah kajian kebangsaan berkaitan belia pertama yang dilakukan dalam tempoh panjang. Ia bertujuan untuk meneroka kepuasan hidup, aspirasi dan keutamaan golongan ini ketika mereka beralih daripada fasa remaja ke dewasa.

Kajian itu mengikuti lebih 3,000 belia warga dan penduduk tetap Singapura berusia antara 17 dengan 24 tahun, sepanjang tempoh enam tahun dari 2017 hingga 2022.

Zamil Penyelidik Kanan Adjung Institut Kajian Dasar (IPS), Dr Chew Han Ei, juga ketua penyelidik projek itu, semasa satu taklimat media pada 5 Ogos, berkata bahawa bertentangan dengan naratif belia “berhenti secara senyap-senyap”, atau ‘quiet quitting’ – yang merujuk kepada enggan melibatkan diri dan melakukan kerja yang minimum – dapatan kajian menunjukkan bahawa mereka mengutamakan kerjaya mereka melebihi matlamat hidup yang lain.

Hampir 80 peratus responden berkata mereka telah membuat perancangan untuk mencapai aspirasi mereka, dan hampir tujuh daripada 10 belia mempunyai rancangan untuk meningkatkan kemahiran dalam tempoh lima tahun akan datang, kata beliau.

Walaupun belia dilaporkan mengalami lebih banyak tekanan kerja, lebih ramai juga menunjukkan mereka dapat menangani tekanan di tempat kerja dan berpuas hati dengan pekerjaan mereka.

Mempunyai peluang yang baik untuk kemajuan dan keselamatan pekerjaan adalah pertimbangan utama mereka dalam pekerjaan, menurut kajian itu.

Dalam kalangan mereka yang tidak bekerja, 43 peratus belia merasakan bahawa kekurangan hubungan dengan individu yang tepat menghalang mengejar laluan kerjaya pilihan mereka. Ini secara konsisten disebut sebagai penghalang utama kepada pekerjaan sejak 2019.

Ketua pegawai eksekutif NYC, Encik David Chua, berkata: “Dapatan ini memaklumkan kepada entiti pemerintah dan bukan pemerintah untuk bekerjasama dan mencari jalan untuk membuka akses dan peluang pekerjaan kepada belia...sama ada melalui kerja sambil belajar atau untuk memasuki satu industri.”

Lebih tiga suku belia juga mendapati ia penting untuk mempunyai pekerjaan yang membolehkan mereka fleksibiliti pada 2022, meningkat daripada 60 peratus pada 2018.

Dr Chew menambah tumpuan terhadap pendidikan dan kerjaya mungkin menghalang belia daripada menjalinkan hubungan cinta.

Tiga halangan utama untuk belia yang belum berpunya keluar ‘dating’ adalah belum bertemu dengan orang yang sesuai, mempunyai keutamaan yang lebih penting, dan mendapati ‘dating’ di Singapura menimbulkan tekanan, menurut kajian itu.

“Sejak muda, ibu bapa mereka akan berkata, belajar rajin-rajin, mendapat pekerjaan yang bagus dan kemudian berkahwin. Mungkin itu kekal dalam pemikiran mereka, dan orang muda fikir perkara ini perlu dicapai langkah demi selangkah,” jelas Dr Chew.

Youth STEPS akan dilanjutkan selama lima tahun lagi dari 2024 hingga 2028, dan diketuai oleh rakan penyelidik Makmal Sosial IPS, Dr Teo Kay Key, yang akan mengikuti kumpulan itu ke pertengahan tahun 30-an apabila mereka berkahwin dan memulakan keluarga, kata Dr Chew.

Penemuan itu akan membantu penggubal dasar menyokong golongan muda dalam aspirasi mereka untuk berkembang maju apabila mereka memasuki usia tahun 30-an, tambahnya.

Sekilas Hasil Kajian Youth STEPS:

- Tahap kepuasan hidup belia kekal stabil sepanjang 2021 hingga 2022, 64 peratus belia berpuas hati dengan hidup mereka pada 2021 hingga 2022.
- 43 peratus belia pada 2022 berkata pandemik telah memberi kesan positif kepada hidup mereka.
- Memiliki kerjaya dan kesihatan yang baik dipilih sebagai keutamaan paling penting dalam tempoh lima tahun mendatang.
- Dua daripada lima belia berusia 22 hingga 29 tahun pada 2022 tidak pernah menjalin hubungan cinta.